

3 bida bekal tren MRT

» Pakej tender MRT Corp dianggarkan lebih RM8 bilion

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bharian.com.my

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menerima tiga bidaan daripada syarikat antarabangsa bagi membekalkan tren My Rapid Transit (MRT), iaitu pakej kontrak besar terakhir yang masih belum diagihkan dalam projek prasarana negara itu.

Pengarah Perhubungan Strategik dan Perhubungan Awamnya, Amir Mahmood Razak, berkata pakej tender yang dianggarkan bernilai lebih RM8 bilion itu dibida dua syarikat dari China dan satu dari Jerman.

Katanya, bidaan itu akan me-

lalui proses penilaian sama seperti sebelum ini dan keputusan syarikat terpilih akan diketahui sebelum berakhir bulan ini.


“Ini adalah tender kedua terbesar selepas pakej kerja pembinaan terowong bawah tanah MRT bernilai RM8.2 bilion yang dianugerahkan kepada Konsortium MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) pada Mac lalu.

“Syarikat yang memenangi bidaan ini kelak perlu membekalkan lebih 50 set tren yang mana setiap set akan mengandungi empat gerabak. Kami akan menggunakan tren berteknologi tanpa pemandu,” katanya ketika dihubungi BH di Kuala Lumpur, semalam.

Fasa pembangunan aktif

Sementara itu, Amir berkata, projek prasarana terbesar negara itu kini memasuki fasa pembangunan aktif, iaitu kerja pembangunan bagi tender yang sudah diagih kini berjalan sepenuhnya.

Katanya, perjalanan projek



menepati jadual dan dijangka menepati tarikh untuk beroperasi menjelang Disember 2016 bagi fasa pertama membabitkan Sungai Buloh ke Semantan, manakala fasa kedua Semantan ke Kajang sejauh 9.5 kilometer di-

jangka beroperasi menjelang Julai 2017.

“MRT Corp sudah mengumumkan 33 pakej tender bernilai lebih RM15.5 bilion dan kami akan mengumumkan lagi pemenang tender pada minggu depan.

“Antara yang belum diumumkan adalah pakej jejambat V8 dan pakej pembinaan stesen. Kami baru mengumumkan pemenang untuk dua stesen dan banyak lagi yang akan diumumkan sebelum berakhir tahun ini,” katanya.